

SIARAN AKHBAR

30 April 2015

EKUINAS TERUS CATAT PRESTASI KUKUH SELEPAS LIMA TAHUN BEROPERASI

Fakta Utama: -

- Pada TK2014, Ekuinas melaksanakan sembilan (9) pelaburan secara langsung dan menerusi penyumberan luar dengan jumlah modal komited sebanyak RM605.8 juta. Ini membawa kepada jumlah kumulatif pelaburan komited dilaksana Ekuinas sebanyak tiga puluh tiga (33) bernilai kira-kira RM2.4 bilion. Bersama dengan modal swasta, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal sebanyak RM3.0 bilion yang telah memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.
- Dana *Ekuinas Direct (Tranche I)* Fund terus mencatat prestasi kukuh dengan Pulangan Portfolio Kasar sejumlah **RM677.1 juta**, bersamaan **Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) sebanyak 19.6%** dan **IRR bersih tahunan sebanyak 15.3%**, melebihi pulangan sasaran jangka panjang minimum **12%** setahun. Dana Kedua Ekuinas, iaitu *Ekuinas Direct (Tranche II)* Fund turut mencatat prestasi yang menggalakkan dengan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah **RM148.4 juta**, bersamaan IRR kasar tahunan sebanyak 31.9% dan IRR bersih tahunan sebanyak 19.3%.
- Melalui aktiviti pelaburannya, Ekuinas meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera dalam syarikat-syarikat portfolionya sejumlah **RM4.2 bilion** atau **1.9 kali modal dilabur** dan Jumlah Nilai Pemegang Saham sebanyak **RM5.5 bilion** atau **2.4 kali modal dilabur**. Ini mencerminkan kejayaan model operasi Ekuinas dalam meningkatkan nilai pemegang saham untuk semua rakyat Malaysia.
- Prestasi kukuhnya membolehkan Ekuinas memperuntuk RM500.0 juta daripada keuntungannya kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk manfaat pemegang unit Bumiputera di bawah Pemodal Nasional Berhad (PNB) seperti yang diumumkan sebelum ini oleh Kerajaan, yang mana RM200.0 juta daripada jumlah tersebut telah diagihkan pada akhir 2014.

KUALA LUMPUR, 30 April 2015: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan pencapaian prestasi yang kukuh selepas lima tahun beroperasi. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014), Dana *Ekuinas Direct (Tranche I)* Fund mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM677.1 juta, bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) tahunan sebanyak 19.6% dan IRR bersih tahunan sebanyak 15.3%, sekali lagi melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12% Ekuinas. Dana Kedua Ekuinas, iaitu *Ekuinas Direct (Tranche II)* Fund turut mencatat prestasi yang menggalakkan dengan Pulangan Portfolio Kasar berjumlah RM148.4 juta, bersamaan IRR kasar tahunan sebanyak 31.9% dan IRR bersih tahunan sebanyak 19.3%.

Pencapaian Ekuinas bagi tahun 2014 telah diumumkan di sebuah majlis di Kuala Lumpur hari ini.

Dalam ucapannya, Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Walaupun 2014 merupakan suatu tahun yang mencabar terutamanya bagi sektor tenaga, kami gembira kerana berjaya menamatkan satu lagi tahun yang bermakna dan sangat produktif. Kadar pelaburan Ekuinas kembali meningkat kepada kadar sasaran syarikat, hasil pelaburan juga telah direalisasi menerusi penyenaraian sulung syarikat portfolio Ekuinas, dan prestasi dana yang terus kukuh telah membolehkan pengagihan keuntungan pertama Ekuinas dikongsi bersama dengan masyarakat Bumiputera.

Pada 2014, Ekuinas berjaya melaksanakan pelaburan dengan jumlah komited RM605.8 juta dalam sembilan (9) pelaburan tambahan menerusi pelaburan langsung dan di bawah program penyumberan luar. Ini termasuk enam (6) pelaburan langsung dengan jumlah modal komitmen sebanyak RM542.1 juta, yang terdiri daripada pelaburan susulan dalam Revenue Valley Group dan San Francisco Coffee untuk meluaskan kehadiran jenama, pemerolehan gabungan dalam Coolblog, jenama francais manisan dan minuman, dan Tenby Group of Schools, sebuah rangkaian sekolah swasta yang terkemuka, di samping pelaburan baru dalam Orkim Sdn Bhd, sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) dan Tranglo Sdn Bhd, syarikat perkhidmatan gerbang urusniaga mudah alih.

Program Penyumberan Luar Ekuinas juga terus berkembang pada TK2014, dengan tiga (3) pelaburan baru melebihi RM80.0 juta yang dilaksanakan oleh firma ekuiti persendirian luar di bawah Program Penyumberan Luar Ekuinas, yang mana sumbangan modal Ekuinas berjumlah RM63.7 juta. Ini termasuk pelaburan dalam syarikat-syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti REAL Education Group, Big Sdn Bhd dan Mega Fortris (Malaysia) Sdn Bhd.

Ini membawa kepada jumlah pelaburan kumulatif yang telah dilaksanakan oleh Ekuinas sejak ditubuhkan sebanyak tiga puluh tiga (33) kesemuanya pada nilai kira-kira RM2.4 bilion. Bersama dengan modal swasta, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan

modal sebanyak RM3.0 bilion yang telah memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia.

Aktiviti merealisasi pelaburan Ekuinas juga sedang giat dilaksanakan selepas mencipta nilai dalam syarikat portfolio, dengan **RM954.8 juta** sudah direalisasi setakat ini yang kebanyakannya diperolehi daripada kejayaan penyenaraian sulung syarikat portfolio Ekuinas, iaitu Icon Offshore Bhd.

Turut menjadi tumpuan utama ialah pengumuman Kerajaan mengenai komitmen Ekuinas untuk mengagihkan RM500.0 juta daripada pulangan pelaburan portfolionya kepada Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) demi manfaat pemegang unit Bumiputera yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB), dengan tujuan berkongsi kejayaan pelaburan secara langsung dengan masyarakat Bumiputera secara efektif dan berkesan. Daripada jumlah tersebut, RM200.0 juta telah diagihkan kepada YPB pada penghujung tahun 2014.

Dari segi pencapaian objektif sosial, Ekuinas berjaya meningkatkan Nilai Ekuiti Bumiputera dalam syarikat portfolio sebanyak RM4.2 bilion, atau 1.9 kali modal dilabur. Dalam pada itu, Jumlah Nilai Pemegang Saham untuk semua syarikat portfolio juga turut meningkat sebanyak RM5.5 bilion, atau 2.4 kali modal dilabur, dan mencerminkan kejayaan model Ekuinas yang berupaya meningkatkankekayaan bukan hanya untuk Bumiputera, malah bagi semua rakyat Malaysia.

Ekuinas turut mengumumkan bahawa syarikat-syarikat portfolionya menyediakan pekerjaan kepada sejumlah 356 pengurus dan 11,841 kakitangan pada akhir TK2014, dengan 39.3% dan 52.2% masing-masing terdiri daripada golongan Bumiputera. Ini bersamaan dengan peningkatan sebanyak 9.4% dan 18.3% bagi bilangan pengurus dan kakitangan Bumiputera sejak kemasukan Ekuinas ke dalam syarikat-syarikat tersebut.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, sewaktu membentangkan keputusan Ekuinas dengan lebih terperinci juga berkata, "Kami gembira dapat mencatatkan prestasi kukuh sepanjang lima tahun beroperasi. Dalam usaha kami

untuk maju seiring dengan dana yang terus matang, Ekuinas akan berusaha mempercepatkan inisiatif merealisasi pelaburan untuk mengekalkan prestasi dana. Kami akan menggiatkan usaha kami untuk mengenal pasti syarikat berpotensi besar, serta pada masa yang sama, membina keupayaan dan nilai transformatif dalam syarikat portfolio kami untuk menjana penciptaan nilai jangka panjang yang mampan.”

Prestasi Ekuinas selama ini membuktikan kejayaan strategi inovatif yang diambil oleh Kerajaan lima tahun lalu sewaktu menubuhkan Ekuinas, dengan mandat untuk menyokong serta membangunkan syarikat pertumbuhan tinggi bersaiz sederhana menerusi model ekuiti persendirian. Ini turut mengukuhkan keyakinan Kerajaan bahawa usaha meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera secara saksama boleh dicapai dengan kaedah yang berupaya menjana pertumbuhan dan membawa manfaat untuk seluruh rakyat Malaysia.

- Tamat -

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barangang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan runcit.

Hubungan Media:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5222

Hairuddin Mohd Noh, Weber Shandwick, HMohdNoh@webershandwick.com (03) 6209 5241

Amirah Aziz, Weber Shandwick, AAziz@webershandwick.com (03) 6209 5224